

SIARAN MEDIA

ISU HIASAN HARI NATAL: MEMUDAHCARA PMKS MALAYSIA, PROSES DAN PROSEDUR KERAJAAN HARUS JELAS, ELAK KEKELIRUAN

PUTRAJAYA, 20 Disember – Berhubung isu berkaitan hiasan bertemakan sambutan Hari Natal di premis makanan dan hotel, YB Dr Zulkifli Bin Hasan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah memperjelaskan bahawa hiasan bertemakan sambutan Hari Natal tidak melanggar syarat pensijilan halal JAKIM.

Penjelasan ini wajar dihormati dan dijadikan panduan bersama agar pelaksanaan di lapangan konsisten serta tidak mengelirukan.

Kini tiba masanya kita memastikan perniagaan Malaysia dapat terus maju tanpa mengira kaum, agama, negeri, dan wilayah, termasuk dalam sektor makanan dan hotel yang melibatkan banyak PMKS Malaysia.

Sehubungan itu, proses dan prosedur kerajaan di semua peringkat harus dipermudahkan serta diselaraskan supaya peniaga Malaysia dapat beroperasi dengan jelas tanpa kekeliruan atau tafsiran peraturan yang pelbagai. Ini merupakan sebahagian **Strategi ABCD** yang dilaksana oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), yakni:

Anjakan produktiviti
Birokrasi dipermudahkan
Capaian modal
Daya akses pasaran

STEVEN SIM CHEE KEONG
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
20 DISEMBER 2025